



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (1)  
Tarikh : 7 Januari 2021

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **SOKONGAN TERHADAP TITAH D.Y.M.M. SULTAN JOHOR SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR**

---

Berkenaan teguran titah D.Y.M.M. Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar menerusi hantaran di laman media sosial baginda mengenai isu kebersihan pantai di daerah Mersing, tinjauan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mendapati sampah yang terdapat di pantai tersebut adalah sampah hanyut semasa berlakunya air pasang. Tambahan lagi, tong sampah juga tiada di kawasan tersebut. Walaupun kawasan ini di luar perkhidmatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), kementerian ini bersedia untuk membuat pemantauan bersama Kerajaan Negeri dan membantu dalam mengatasi masalah pencemaran tersebut.

Bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat setempat terhadap kebersihan, kementerian melalui SWCorp dan syarikat konsesi akan mempergiatkan lagi program-program kesedaran awam dan pendidikan bagi menerapkan semangat cintakan alam sekitar dan bersama menjayakan matlamat menjadikan daerah Mersing sebuah daerah eko-pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**YB Zuraida Kamaruddin  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
7 Januari 2021**